



IBU PEJABAT MARITIM NEGERI TERENGGANU
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JALAN HILIRAN,
20300 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN



Tel : 09-6223657
Faks : 09-6223986

SIDANG MEDIA

MARITIM MALAYSIA TERENGGANU TAHAN DUA BOT NELAYAN BERSAMA 27 KRU VIETNAM

KUALA TERENGGANU, 02 Julai - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Terengganu telah berjaya menahan dua bot nelayan yang mencurigakan di perairan Terengganu pada jarak 134.6 batu nautika dari Kuala Terengganu semalam.

Pengarah Maritim Malaysia Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi bin Mohd Ramli berkata kedua-dua bot tersebut ditahan oleh kapal Maritim KM LANGKAWI yang sedang melakukan rondaan OP IMAN. Kedua-dua bot nelayan tersebut ditahan kerana tidak memiliki sebarang dokumen yang sah dan disyaki bot nelayan asing Vietnam.

Turut ditahan 27 kru termasuk tekong yang disyaki warga Vietnam berumur antara 18 hingga 53 tahun. Maritim Malaysia turut hasil tangkapan, bekalan diesel, peralatan menangkap ikan serta bot yang dianggarkan bernilai hampir RM 2 juta.

Bot-bot tersebut di bawa ke jeti Maritim Malaysia Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana mencero boh dan menangkap ikan di perairan Malaysia dan Akta Imigresen kerana tekong dan kru tidak memiliki sebarang dokumen yang sah.

Dalam tempoh yang singkat ini KM Langkawi telah berjaya menahan empat bot nelayan asing di perairan Terengganu, selepas arahan pengusiran ditarik dan kebenaran menangkap serta menahan dikuatkuasakan semula bermula 24 Jun 2020. Terdahulu KM Langkawi telah menahan dua bot nelayan asing Vietnam bersama kru warga Vietnam di atas kes yang sama iaitu menceroboh dan kru tiada dokumen sah.

Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara dan mengaut hasil laut serta merosakan ekosistem biodiversiti marin. Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk mencegah sebarang salah laku jenayah serta aktiviti yang menyalahi undang-undang maritime.

Justeru itu, kerjasama masyarakat terutamanya nelayan tempatan amat dialu-alukan dalam melaporkan sebarang maklumat dan aktiviti salah laku di perairan negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Negeri Terengganu.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:-

Nama: Leftenan Madya (M) Muhammad Iqbal Manaf bin Isha
Jawatan: Pegawai Perhubungan Awam Maritim Negeri Terengganu
No Tel: 0182214566
Emel: iqbalmanaf@mmea.gov.my